

Oleh: Lt Kol Mohd Faizal bin Abdul Latif TUDM

Penolong Pengarah Hal Ehwal Hubungan Serantau

Pertahanan Udara Pakistan Dan Keunggulan Strategik Dalam Konflik Dengan India

Konflik ketenteraan antara India dan Pakistan pada Mei 2025 menjadi titik perubahan penting dalam landskap keselamatan di Asia Selatan. Bermula sebagai tindak balas udara India terhadap serangan yang didakwa sebagai penganas di Kashmir, konflik ini berubah menjadi pertempuran udara berteknologi tinggi. Walaupun India memiliki kelebihan dalam peralatan seperti pesawat tempur Rafale dan sistem pertahanan udara S-400, Pakistan telah mengejutkan banyak pihak dengan tindakbalas yang pantas, terancang dan berkesan. Konflik ini membuktikan bahawa keupayaan pertahanan udara Pakistan telah semakin maju, ditambah pula dengan kerjasama erat ketenteraan bersama negara tembok besar China, telah membolehkan Islamabad berjaya menangkis tekanan ketenteraan konvensional dari New Delhi.

Pakistan telah membina rangkaian pertahanan udara berlapis untuk mempertahankan wilayahnya daripada ancaman udara dan peluru berpandu. Elemen utama strategi ini ialah sistem HQ-9B dari China, peluru berpandu darat ke udara (SAM) jarak jauh yang berkeupayaan menjejaki dan memusnahkan sasaran pada jarak lebih 200 km. Sistem ini dilengkapi oleh SAM jarak sederhana LY-80 (HQ-16) dan sistem jarak pendek FM-90 dan HQ-7B. Kesemua sistem ini dihubungkan dengan sistem pengawasan radar dan kawalan udara canggih seperti Saab 2000 Erieye dan ZDK-03 Karakoram Eagle yang membentuk sistem pertahanan udara rangkaian. (GlobalSecurity.org)

Selain itu, kekuatan utama Pakistan dalam pertahanan udara datang daripada pesawat tempur J-10C dan JF-17 Block III dari China. Pesawat J-10C dilengkapi radar *An Active Electronically Scanned Array* (AESA) dan peluru berpandu BVR PL-15 dengan kemampuan jarak sehingga 200 km, setanding dengan jet Rafale milik India. Dalam konflik ini, juruterbang Pakistan berjaya menggunakan kelebihan jarak jauh ini untuk menjatuhkan beberapa pesawat India. Sementara itu, pesawat JF-17 Block III juga menggunakan peluru berpandu anti-radiasi CM-400AKG dan bom berpanduan tepat untuk menyerang radar, pangkalan udara dan depot amunisi India. (Reuters, Mei 2025)

Satu lagi faktor utama kejayaan Pakistan adalah dengan menggunakan peperangan elektronik (EW) dan penggunaan dron. Unit EW berjaya mengganggu radar dan komunikasi India semasa serangan malam dan pada masa yang sama, Pakistan melancarkan dron serangan dan intipan seperti Burraq, Shahpar II, serta menggunakan dron buatan China iaitu CH-4 dan Wing Loong. Serangan dron secara serentak telah menjejaskan sistem pertahanan udara India dan memaksa aset ketenteraan India dialihkan.

Walaupun dari segi saiz dan jumlah asset menunjukkan India lebih unggul, Pakistan memiliki beberapa kelebihan strategik dalam konflik yang berlaku. Antaranya:

1. Kawalan Kawasan: Gabungan radar, peluru berpandu, dron dan sistem EW membolehkan Pakistan menghalang dominasi udara India di wilayahnya.

2. Kerjasama Pertahanan China-Pakistan: Kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara ini membolehkan Pakistan melakukan pemodenan pertahanan ketenteraanya dengan lebih efektif.
3. Fleksibel dan Responsif: Pakistan menunjukkan keupayaan menggabungkan sistem pesawat tanpa pemandu, teknologi tinggi, dan serangan balas konvensional secara tersusun dan efisien sehingga berjaya memaksa India mengundurkan asset ketenteraanya dari pangkalan hadapan hingga konflik ditamatkan dengan gencatan senjata. (AP News, 2025)

Kesimpulannya, konflik yang berlaku antara India dan Pakistan membuktikan bahawa kelebihan angka semata-mata tidak menjamin kemenangan dalam sebarang konflik atau peperangan. Melalui strategi pertahanan bersepadu, pesawat generasi baharu, teknologi dron moden dan perang elektronik, Pakistan telah berjaya meningkatkan daya pertahanan ketenteraanya secara signifikan. Kejayaan ini memberi mesej jelas bahawa Islamabad kini mampu menangkis tekanan ketenteraan dari negara luar yang lebih besar dan bersedia menghadapi cabaran masa depan khususnya di rantau Asia Selatan.

Rujukan

1. GlobalSecurity.org. (2024). Pakistan Army Air Defence Command.
2. Reuters. (2025, Mei). With militaries upgraded, risks multiply in any potential India-Pakistan conflict.
3. AP News. (2025). India-Pakistan clash sees use of Chinese missiles, French jets, Israeli drones and more.
4. The Military Balance 2024, International Institute for Strategic Studies (IISS).